

Pusat Islam UMS bakal siap Mac tahun depan

NST 6.12.2017 5

KOTA KINABALU: Pengarah Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat berkata proses pembinaan Pusat Islam UMS bakal siap dan boleh digunakan menjelang Mac 2018.

“Pusat Islam UMS kini dalam proses pembinaan dan dijangkakan bakal mula beroperasi dan siap sepenuhnya menjelang Mac 2018 ini,” jelasnya ketika ditemui New Sabah Times kelmarin di Masjid UMS.

Menurut beliau, Pusat Islam itu mula dibina sejak Dis-

ember 2016 dan jangkakan siap sepenuhnya dalam Disember 2017, namun tergendala disebabkan oleh beberapa masalah teknikal.

“Pada awalnya perancangan siap sepenuhnya Pusat Islam adalah hujung tahun ini iaitu pada Disember namun atas kekangan masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, proses menyiapkan itu tergendala sedikit,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa projek pembinaan Pusat Islam yang kini dalam proses disiapkan

adalah tercetus hasil daripada peruntukan bajet dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

“Kos pembinaan sebanyak RM 5 juta yang diterima daripada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Keuangan ini adalah hasil daripada RMK-11,” tambah beliau.

Pusat Islam yang bakal siap itu mampu memuatkan ruang bagi dua dewan kuliah, satu ruang dewan pameran dan ruang atas bangunan itu akan beroperasi sebagai pejabat bagi kakitangan Pusat Islam.

Pusat Islam UMS yang kini beroperasi di Bangunan Masjid UMS mempunyai 15 orang staf pengurusan dan pentadbiran. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**